

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 NOVEMBER 2013 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Tiga remaja lelaki ditahan kerana muat turun filem tanpa kebenaran	Bernama.com
2	2 calon SPM. Seorang PMR ditahan terlibat aktiviti jenayah siber	Utusan Malaysia

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 26 NOVEMBER 2013 (SELASA)



Tiga Remaja Lelaki Ditahan Kerana Muat Turun Filem Tanpa Kebenaran

PUTRAJAYA, 25 Nov (Bernama) -- Tiga remaja lelaki berumur 15 hingga 18 tahun ditahan dalam serbuan di Selangor dan Pulau Pinang masing-masing pada 29 Okt dan 8 Nov lepas kerana memuat turun filem tempatan tanpa kebenaran pemilik hakcipta.

Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) Roslan Mahayudin berkata ketiga-tiga suspek yang ditahan dalam Operasi Spyglass itu diletakkan di bawah jaminan polis, dan telah dibenarkan menduduki peperiksaan PMR dan SPM.

Katanya operasi bahagian penguatkuasaan KPDKKK yang disertai 10 pegawai termasuk dari bahagian **Cybersecurity Malaysia** itu turut merampas tiga unit komputer riba, satu unit broadband, dua unit router dan dua unit modem bernilai RM12,000.

Antara filem yang dimuat turun ialah KL Gangster 2, KL Zombie dan Tanda Putra dalam laman web: www.allinoneatheremovie.blogspot.com; www.pjsenter.com dan www.piratesbytez.com., beliau berkata dalam sidang media di sini Isnin.

Mereka adalah remaja pertama ditahan di bawah Ops Spyglass dan boleh dikenakan denda sekurang-kurangnya RM2,000 dan maksimum RM20,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika didapati bersalah di bawah Seksyen 41 1(G) Akta Hakcipta 1987.

"Walaupun di bawah umur tindakan tetap diambil di bawah undang-undang sedia ada. Serbuan dilakukan atas aduan pemilik hakcipta dan orang ramai berhubung laman web yang dijadikan sebagai portal untuk memuat-turun atau tayangan (streaming) filem-filem tempatan tanpa kebenaran pemilik hakcipta.

"Berdasarkan soal siasat ke atas suspek, mereka memaklumkan bahawa filem-filem yang disediakan di dalam laman web/blog seliaan mereka diperolehi sumbernya daripada laman/blok lain," katanya.

Katanya antara laman web yang paling terkenal ialah www.ganool.com yang didapati beroperasi di Jawa Timur yang dikendali seorang remaja, selain sumber filem lain dari <http://pencurimovie.sx/> dan <http://moviepecah.blogspot.com/>.

Menurut Roslan bahagian penguatkuasaan KPDKKK juga akan mengeluarkan notis kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) untuk menghalang akses laman sesawang tersebut mengikut Seksyen 263(2) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Roslan menasihatkan ibu bapa dan penjaga agar sentiasa mengawasi dan memantau aktiviti siber anak-anak mereka supaya mereka tidak melakukan sebarang aktiviti siber yang menyalahi undang-undang.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 26 NOVEMBER 2013 (SELASA)

2 calon SPM, seorang PMR ditahan terlibat aktiviti jenayah siber

PUTRAJAYA 25 Nov. - Dua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan seorang calon Penilaian Menengah Rendah (PMR) ditahan Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) kerana terlibat dengan aktiviti jenayah siber.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNKK, Mohd. Roslan Mahayudin berkata, ketiga-tiga suspek berumur antara 15 dan 18 tahun itu ditahan kerana mengoperasikan laman web untuk memuat turun dan menayangkan filem-filem tempatan tanpa kebenaran pemilik hak cipta.

Beliau berkata, mereka ditahan di rumah masing-masing dalam serbuan Ops Spyglass yang dijalankan pada 29 Oktober dan 8 November

lalu di Selangor serta Pulau Pinang.

"Serbuan dilakukan setelah kami menerima aduan daripada pemilik hak cipta dan orang ramai tentang aktiviti jenayah siber yang melibatkan filem tempatan seperti *KL Gangster 2*, *KL Zombie* dan *Tanda Putera*.

"Laman web tersebut adalah www.allinoneattheremovies.blogspot.com yang beroperasi di Selangor dan www.pjsenter.com serta www.piratebytez.com yang beroperasi di Pulau Pinang," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Serbuan yang disertai 10 penguat kuasa itu turut mendapat kerjasama daripada pegawai Cybersecurity Malaysia (Cybersecurity) yang memberikan bantuan teknikal semasa pemeriksaan.

Mohd. Roslan berkata, dalam ser-

buhan itu, pihaknya merampas tiga komputer riba, masing-masing dua router dan modem serta satu unit jalur lebar yang kesemuanya dianggarkan bernilai RM12,000.

Beliau berkata, ketiga-tiga suspek kini diletakkan di bawah jaminan polis dan tindakan akan diambil setelah urusan peperiksaan persekolahan mereka selesai.

"Kes ini akan disiasat di bawah Seksyen 41 1(G) Akta Hak Cipta 1987.

"Sekiranya disabit kesalahan, hukuman denda boleh dikenakan sekurang-kurangnya RM2,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, berdasarkan soal siasat, suspek memaklumkan filem-fi-

lem yang disediakan diperoleh daripada laman web lain.

"Antaranya www.ganoool.com yang beroperasi di Jawa Timur dan <http://pencurimovie.sx/> serta <http://moviepecah.blogspot.com/> dipercaya beroperasi di Eropah.

"Pihak penguat kuasa akan mengetahui pasti pemilik laman web berkenaan dan mengambil tindakan kepada mereka, buat masa ini notis halangan akses dikeluarkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tindakan lanjut," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan ibu bapa memantau aktiviti siber anak-anak masing-masing supaya mereka tidak melakukan sebarang perkara menyalahi undang-undang.